

Kutu hidup bawah kulit

Scabies penyakit mudah berjangkit melalui sebaran parasit

Oleh SITI FARAH ELIANI SOLLEH



DR ADAWIYAH

SOFIA Abdullah, 39, sangat gusar berdepan keadaan anaknya, Hanif Ailif Humaidi, 13, yang menghidap masalah gatal-gatal pada tubuh sejak seminggu lalu. Akibatnya, remaja itu kerap menggaru terutamanya pada waktu malam.

Hati ibu mana tidak risau melihat masalah kulit berbintik kemerahan pada si anak. Ada garisan tertentu dan terdapat pula seakan 'teluan' berbentuk 'S' pada kulit yang terjejas.

"Hanif tidak tahan dengan keadaan gatal melampau yang ditanggung menyebabkan saya membawanya ke klinik. Doktor yang membuat pemeriksaan mendapati anak saya itu menghidap kudis buta.

"Padanilah seperti 'ada benda' pada kulitnya. Rupanya kutu 'menumpang' dan menjadi parasit hidup pada kulit," cerita Sofia kepada *Sihat:Aktif*.

Bellau yakin Hanif mendapat jangkitan daripada rakannya kerana beberapa minggu sebelum itu terlibat dalam satu kem luar dan menghuni unit khemah yang sama.

Ya, penyakit kudis buta bukanlah kedengaran asing di cuping telinga kita. Merupakan antara penyakit dermatologi (kulit) yang paling lazim di dunia, ia 'populer' khususnya di negara-negara membangun dan dunia ketiga seperti Malaysia.

Pada satu-satu masa, dianggarkan seramai 130 juta manusia menghidap keadaan itu. Ramai bukan? Hakikatnya adakah semua kesan mengudis itu kudis buta?

Bagi menjelaskan lebih lanjut mengenainya, *Sihat:Aktif* mendapatkan pandangan Pakar Perunding Dermatologi, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Adawiyah Jamil.

Membiak, bertelur

Kudis buta ataupun lebih dikenali sebagai scabies, merupakan sejenis penyakit yang menyebabkan bintik merah seperti ruam terutama di tapak tangan dan kaki. Penyakit kudis buta akan menyebabkan rasa kegelatan yang ketertaluan pada permukaan kulit.

"Istimewanya" tentang penyakit itu, ia sangatlah mudah berjangkit dan dijangkiti melalui sentuhan langsung kulit seseorang dengan orang yang mengalami kudis buta.

Tidak hairanlah kita melihat seakan ada 'mahluk' menumpang pada kulit



kudis buta



Telur dan kutu kudis buta 'sujur dalam terowong' bawah kulit

PARASIT boleh menyebarkan kudis buta mudah merabak.

seseorang mempunyai kudis buta. Sebenarnya ia berpunca daripada serangan sejenis kutu atau hama yang dikenali sebagai 'Sarcoptes Scabiei'.

Kutu tersebut merupakan parasit, iaitu suatu organisma yang hidupnya menumpang pada makhluk lain dan merugikan makhluk hidup yang ditumpanginya itu, kongsi Dr Adawiyah. "Sarcoptes Scabiei" perlu hidup di atas kulit manusia. Jika tidak berada di atas kulit manusia seperti jatuh ke lantai atau katil dan pakain, ia hanya boleh hidup selama tiga hari dan kemudiannya akan mati.

"Bagaimanapun, jika pada kulit manusia, ia boleh hidup sehingga tiga bulan lamanya lalu membiak dan bertelur," terangnya.

Boleh berlaku dan merjangkiti sesiapa sahaja, namun pasti ada sebabnya apabila penyakit kudis buta itu lebih

tertumpu dalam negara-negara tidak membangun yang mempunyai iklim tropika yang panas. Kanak-kanak kecil dan golongan tua dalam komuniti-komuniti miskin di negara-negara tersebut antara mangsanya!

Seperkara menurut Dr Adawiyah, pesakit yang pertama kali dijangkiti scabies, simptom yang akan berlaku adalah seperti:

- Rasa gatal
- Ruam
- Mengalami kesan-kesan calar pada permukaan kulit antara dua hingga empat minggu setelah scabies 'menghinggapi' pada kulit.

Pun demikian, untuk jangkitan kali kedua dan seterusnya dapat dilihat simptom yang sama tidak mengambil masa lama.


Justeru bagaimana untuk mendiagnosis penyakit kudis buta itu? Jangan keliru dek kebiasaan tampaknya seperti ekzema. Ruam scabies biasanya melibatkan celah-celah jari tangan dan kaki, ketiak, pusat, kawasan pinggang, kemaluan dan celah paha, manakala sangat jarang melibatkan muka dan kepala.

Parasit berkenaan boleh dilihat melalui mikroskop. Doktor akan mengikis sedikit lapisan atas kulit dan membuat pemeriksaan di bawah mikroskop.

Menurut Dr Adawiyah, lazimnya diagnosis kudis buta itu dapat diperhatikan hanya dengan melihat dari menilai ciri-ciri klinikal (simptom dan tanda-tanda) yang ada pesakit.

"Terdapat juga beberapa cara untuk memastikan kewujudan kutu-kutu *Sarcoptes Scabiei* ini pada kulit pesakit. Justeru, pemeriksaan doktor penting bagi memastikan keadaan pesakit agar rawatan yang tepat dapat diberikan.

"Biasanya scabies mudah didiagnosis oleh mana-mana doktor, tetapi pesakit sendiri tidak faham cara melakukan



HAMA boleh hidup hampir tiga bulan lamanya pada permukaan kulit jika tidak dirawat dengan segera.